

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 27 JULAI 2020

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan syarikat-syarikat yang dibenarkan untuk mengimport beras dan adakah Kementerian berhasrat membenarkan beras diimport secara bebas supaya harga beras di Malaysia lebih mencerminkan harga pasaran dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pengimportan beras bagi menampung kekurangan kira-kira 30% penggunaan beras dalam negara hanya dilaksanakan oleh BERNAS selaku pemegang konsesi selari dengan Dasar *Single-Gate Keeper* Kerajaan bertujuan bagi mengawal komoditi strategik negara. Dasar ini secara timbal balik memberi manfaat kepada Kerajaan di mana fungsi sebagai pengimport tunggal juga mensyaratkan BERNAS melaksanakan lima obligasi sosial dengan kos tertentu dalam mengurus industri padi dan beras negara.

2. Sepanjang pelaksanaan Dasar *Single- Gate Keeper* ini juga, syarikat-syarikat lain yang berminat untuk turut terlibat dalam pembekalan dan pemasaran beras import dalam negara adalah dibenarkan melalui bekalan beras yang disediakan oleh BERNAS. Pada masa ini terdapat 1,484 syarikat pemborongan aktif yang berdaftar dengan Kementerian.

3. Berhubung dengan cadangan untuk membuka bebas pengimportan beras, Kerajaan perlu memperhalusi cadangan tersebut bagi memastikan pelaksanaannya tidak akan menjejaskan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam industri seperti petani, pengilang, pemborong, peruncit, kerajaan dan pengguna. Berdasarkan dasar semasa, harga runcit beras putih import adalah lebih murah berbanding dengan dengan negara ASEAN lain serta di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.